

AKHBAR : **Www.Majalahpama.My**
TARIKH : 04 September 2024
SENTIMEN: Positif

MUKA SURAT : Online
HARI : Ahad

The screenshot shows the Pa&Ma website. At the top, there's a pink header with the 'Pa&Ma' logo. Below it is a navigation bar with links: KEHAMILAN, KELAHIRAN, MENARIK LAGI, VIDEO, PA&MA GALA, JENAMA PILIHAN, and PA&MA TOOLS. There's also a search icon and a grid icon. A yellow button for 'Login | Register' is visible. The main content area features a large headline about a campaign with Uyaina, Suhailin, Syamel & Ika. Below the headline is a photo of several people standing in front of a colorful backdrop related to education and children.

Borak Pa&Ma Bersama Uyaina, Suhailin, Syamel & Ika Beri Inspirasi Buat Ibu Ayah Rancang Simpanan Pendidikan Anak!



Dalam dunia yang semakin kompleks dan kompetitif, pendidikan memainkan peranan yang amat penting dalam memastikan kejayaan dan masa depan yang cerah untuk anak-anak. Oleh itu, menyediakan tabung pendidikan dari awal merupakan langkah bijak dan strategik yang dapat memberi banyak manfaat kepada anak-anak kita. Antara kepentingan membuat simpanan pendidikan untuk anak-anak adalah seperti:

1. Menjamin Kualiti Pendidikan

Dengan adanya tabung pendidikan, anda dapat memastikan bahawa anak-anak anda akan mempunyai akses kepada pendidikan berkualiti. Kos pendidikan tinggi, seperti yuran pengajian universiti, buku teks, dan perbelanjaan lain, semakin meningkat dari tahun ke tahun. Tabung pendidikan membolehkan anda menyimpan dana yang mencukupi untuk menampung kos ini tanpa perlu memikirkan bagaimana untuk membiayai perbelanjaan tersebut di masa hadapan.

2. Mengurangkan Beban Kewangan

Kos pendidikan boleh menjadi beban kewangan yang besar jika tidak dirancang dengan baik. Dengan memulakan tabung pendidikan seawal mungkin, anda dapat mengurangkan tekanan ekonomi pada masa depan. Ini juga membantu mengelakkan keperluan untuk mengambil pinjaman pendidikan yang boleh menyebabkan beban hutang yang tinggi kepada anak-anak anda selepas mereka tamat belajar.

3. Memberi Pilihan kepada Anak-anak

Dengan adanya dana pendidikan yang mencukupi, anak-anak anda akan mempunyai lebih banyak pilihan untuk melanjutkan pelajaran mereka di Institusi Pendidikan Tinggi yang mereka minati tanpa terlalu memikirkan tentang kos. Ini membolehkan mereka mengejar bidang pengajian yang benar-benar mereka gemari dan mencapai kejayaan tanpa batasan kewangan. Mengambil serius tentang hal ini, Pa&Ma dengan kerjasama Simpan SSPN telah mengadakan sesi Borak Pa&Ma bagi membincangkan tentang kepentingan membuat perancangan kewangan dan simpanan pendidikan demi masa depan anak-anak. Sesi ini diadakan bersempena Edutainment Fest Simpan SSPN 2024 pada 25 Ogos yang lalu bertempat di Datum Jelatek Shopping Centre.



Sesi Borak Pa&Ma – Future Ready with Simpan SSPN bersama moderator Uyaina Arshad bersama Pn. Suhailin, Ika Nabella dan Syamel.

Perkongsian Selebriti Jadi Inspirasi Sesi Borak Pa&Ma ini telah dikendalikan oleh pengacara dan pelakon terkenal, Uyaina Arshad. Wakil PTPTN (Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional) iaitu Pn. Suhailin Sharul Anuar yang merupakan Penolong Pengurus Bahagian Komunikasi Korporat PTPTN bersama-sama Syamel dan Ika Nabella menjadi panel jemputan untuk mengupas tentang topik *Future Ready With Simpan SSPN*.



Perkongsian penuh manfaat dan sangat memberi inspirasi kepada ibu ayah muda untuk membuat perancangan simpanan pendidikan buat anak-anak

Menurut Pn. Suhailin, perancangan simpanan pendidikan perlu dibuat sejak anak masih dalam kandungan. Dengan cara itu, ibu ayah dapat bersedia dengan komitmen untuk memastikan mereka membuat simpanan untuk kegunaan pendidikan anak-anak apabila mereka sudah dewasa. Bukan itu saja, Pn. Suhailin turut berkongsi tentang produk Simpan SSPN yang boleh menjadi pilihan ibu ayah tanpa rasa terbeban dan boleh dibuat secara konsisten. "Di Simpan SSPN, pendeposit boleh menikmati pelbagai keistimewaan dan manfaat apabila membuka akaun untuk anak-anak. Salah satu produk Simpan SSPN iaitu Simpan SSPN Prime yang bukan hanya patuh syariah bahkan boleh dibuka dengan bayaran RM20 sahaja tanpa sebarang komitmen. Tambahan pula, Simpan SSPN ini dijamin kerajaan, ada perlindungan takaful percuma ke atas pendeposit serta pendeposit boleh mendapat pelepasan taksiran cukai sehingga RM8,000 setahun," jelas Pn. Suhailin.



Pn. Suhailin Sharul Anuar (Penolong Pengurus Bahagian Komunikasi Korporat PTPTN)

Menurut Syamel pula, dia dan isteri sentiasa berbincang untuk memastikan mereka dapat menyediakan kemudahan yang terbaik buat anak mereka iaitu Nur Khawla Soleha.

“Saya dan Ernie memang akan selalu berbincang untuk pastikan kami dapat beri yang terbaik

untuk Khawla. Bukan saja tentang keperluan Khawla tetapi juga untuk masa depannya seperti pendidikan. Sebab itulah, kami memilih untuk membuka akaun Simpan SSPN untuk Khawla. Sebagai seorang ayah, sebaik saja kelahiran Khawla saya dah pandang jauh. Saya dah mula bayangkan macam mana bila dia dah besar dan ada boyfriend nanti,” kata Syamel.



Syamel (Selebriti)

Ika Nabella berkongsi semasa dirinya hamil, dia mahukan anaknya menjadi seorang menteri. Ketika solat, dia sering berdoa agar impiannya tercapai. Ketika itulah dia sedar, ibu ayah perlu ada perancangan untuk masa depan anak-anak. “Waktu itu memang saya selalu berdoa anak saya menjadi menteri tapi ayah mertua saya cakap banyak persediaan yang perlu dibuat.

Waktu itulah saya mulai sedar yang kalau kita mahukan sesuatu untuk anak, kita perlu buat perancangan dari awal. Sekarang ni, saya hanya mahukan yang terbaik untuk Muhammad Noah Zayn. Alhamdulillah, saya juga sudah membuka akaun Simpan SSPN untuk Noah sejak usianya dua tahun,” cerita Ika.



Ika Nabella (Selebriti)

Penonton ‘Sporting’ Menang Hadiah!

Selain sesi perkongsian dari Pn. Suhailin, Syamel dan Ika, turut diadakan sesi kuiz untuk para penonton yang sama-sama mengikuti Borak Pa&Ma. Setiap panel diminta untuk bertanyakan soalan berkaitan produk Simpan SSPN dan ternyata kesemua penonton sangat ‘sporting’ untuk menjawab.



Antara peserta ‘sporting’ yang mendapat hadiah istimewa dari Pa&Ma dan Simpan SSPN

Mereka turut menerima hadiah istimewa dari Pa&Ma dan Simpan SSPN. Ternyata, perkongsian di dalam sesi Borak Pa&Ma ini banyak memberi manfaat kepada semua yang hadir pada hari tersebut. Untuk ibu ayah yang sedang merancang simpanan untuk masa depan anak-anak, bolehlah membuat pembukaan akaun Simpan SSPN di mana-mana cawangan PTPTN terdekat mahupun melalui aplikasi myPTPTN untuk perkhidmatan yang lebih mudah, cepat dan selamat.